

UMNO dakwa kemenangan Pas di Anak Bukit dibantu pengundi hantu

UM 3 1 AUG 2002

KUALA LUMPUR 30 Ogos — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendakwa kemenangan Pas pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit bulan lepas telah dibantu oleh pengundi hantu.

Perdana Menteri berkata, keahlihan pengundi hantu itu dikesan daripada semakan yang dibuat ke atas senarai daftar pemilih yang digunakan pada pilihan raya kecil DUN berkenaan dan Parlimen Pendang di Kedah, yang lalu.

Hanya dengan menyepak empat peti undi sahaja (daripada 14 peti) di Anak Bukit didapati lebih 500 pengundi bukan orang kawasan itu, tidak dilahir dan tidak bekerja di Anak Bukit tetapi menjadi pengundi dengan alamat kampung sahaja, tidak ada nombor rumah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini.

Dr. Mahathir mendakwa, Pas te-

lah memindahkan penyokongnya dari kawasan yang tidak ada harapan menang ke kawasan lain yang menjadi sasaran mereka.

Ditingkatkan

"Dengan itu Pas yakin boleh menang sebab jumlah (penyokongnya) telah ditingkatkan lebih separuh daripada jumlah pengundi," katanya.

Menurutnya, cara kedua yang digunakan oleh parti itu ialah dengan mengeluarkan nama pemilih yang

tidak mengundi Pas ke kawasan lain dan ini dilakukan sepanjang masa.

Disebabkan itu, kata beliau, agak aneh apabila pengundi yang telah menyepak nama masing-masing di pondok-pondok panas UMNO kemudiannya mendapati nama mereka tidak tersenarai dalam daftar pemilih di pusat pembuangan undi.

"Terdapat 1,359 nama pemilih di Parlimen Pendang dikeluarkan daripada senarai sah pemilih menjelang pilihan raya kecil kawasan itu.

"Bila hari nak mengundi itu kita diberi senarai daftar pemilih oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan ada nama orang ini tetapi apabila masuk ke dalam (pusat pembuangan undi), pegawai di situ memberitahu namanya tidak ada dalam senarai," katanya.

Beliau mendakwa, kejadian seperti itu bukan pertama kali berlaku sebaliknya pernah terjadi di kawasan Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz pada pilihan

■ Lihat muka 4

UMNO dakwa kemenangan Pas di Anak Bukit dibantu pengundi hantu

UM 3 1 AUG 2002

raya umum 1999.

"Terdapat dua senarai, yang diberi kepada UMNO mempunyai nama orang berkenaan tetapi apabila masuk ke dalam digunakan senarai lain yang kononnya sudah dibersihkan dan di dalamnya banyak nama-nama orang UMNO yang hilang," ujarnya.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, UMNO mahukan penjelasan daripada SPR bagaimana senarai nama pengundi berdaftar di kedua-dua kawasan pilihan raya terbabit berbeza dengan senarai yang dimiliki oleh pegawai suruhanjaya itu di pusat-pusat mengundi.

Pada pilihan raya kecil 18 Julai lalu yang di-

adakan ekoran kematian Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, Barisan Nasional (BN) memenangi kerusi Parlimen Pendang dengan kelebihan undi sebanyak 283, tetapi tewas di kawasan DUN Anak Bukit dengan majoriti 508 undi.

Dr. Mahathir berkata, UMNO yakin sekiranya perkara itu dapat diperbetulkan, calon BN boleh memenangi kerusi Anak Bukit dan mendapat majoriti yang lebih besar di Parlimen Pendang.

"Kita berpendapat senarai daftar pemilih ini perlu disemak semula sebab ia tidak mencerminkan pengundi sebenar di kawasan-kawasan pilihan raya," katanya.

Justeru menurutnya, SPR perlu menyemak semula senarai daftar pemilih di seluruh negara bagi memastikan tidak wujud pengundi hantu atau berlaku kehilangan nama pengundi yang sah.

Beliau berkata, UMNO sedang memikirkan tindakan seterusnya yang akan diambil bagi menangani perkara itu termasuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut daripada SPR.

Menurutnya, parti itu mendapat bukti yang proses memindahkan nama pengundi itu telah dilakukan oleh Pas sejak bertahun-tahun.